



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

LAPORAN HARIAN AHAD, 23 NOVEMBER 2025



LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



23/11/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
1	AI DAN NI DALAM MODUL ADVOKASI TANGANI RISIKO KESELAMATAN DIGITAL KANAK-KANAK		POSITIF
	https://www.buletintv3.my/nasional/ai-dan-ni-dalam-modul-advokasi-tangani-risiko-keselamatan-digital-kanak-kanak/	BULETINTV3.MY	
	https://www.utusanborneo.com.my/2025/11/22/kpwkm-minta-kementerian-digital-tubuh-pasukan-pakar-ai-dan-ni-perkukuh-advokasi-kanak	UTUSANBORNEO.COM.MY	
	https://www.tvsarawak.my/2025/11/22/kpwkm-perkukuh-modul-advokasi-kanak-kanak-dengan-elemen-ai-dan-ni/	TVSARAWAK.MY	
	https://suarasarawak.my/pasukan-pakar-nasional-diperlukan-perjelas-kecerdasan-buatan-dan-kecerdasan-semula-jadi-kepada-kanak-kanak/	SUARASARAWAK.MY	
	https://mediaselangor.com/en/2025/11/331836/kpwkm-requests-intelligence-expert-team-for-child-advocacy	MEDIASELANGOR.COM	
	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kpwkm-minta-kementerian-digital-tubuh-pasukan-pakar-ai-dan-ni-perkukuh-advokasi-kanakkanak-548685	ASTROAWANI.COM	
	https://suaramerdeka.com.my/kpwkm-minta-kementerian-digital-tubuh-pasukan-pakar-ai-dan-ni-perkukuh-advokasi-kanak-kanak/	SUARAMERDEKA.COM.MY	
	https://thesun.my/news/malaysia-news/malaysia-seeks-ai-and-ni-experts-for-child-advocacy/	THESUN.MY	
	https://www.freemalysiatoday.com/category/nation/2025/11/22/child-advocacy-programme-needs-expert-team-on-ai-ni-says-nancy	FREEMALYSIATODAY.COM	
	https://www.flyfm.audio/child-advocacy-programme-needs-expert-team-on-ai-ni-says-nancy/	FLYFM.AUDIO	
	https://www.youtube.com/watch?v=A4lpuvshWxQ	YOUTUBE	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
2	KPWKM PANTAU KESELAMATAN ADIK KEPADA ZAYN RAYYAN		POSITIF
	https://www.buletintv3.my/nasional/kpwkm-pantau-keselamatan-adik-kepada-zayn-rayyan/	BULETINTV3.MY	
	https://www.tvsarawak.my/2025/11/22/kpwkm-jamin-peliharaan-kebajikan-adik-allahyarham-zayn-rayyan/	TVSARAWAK.MY	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



23/11/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
	https://www.utusan.com.my/nasional/2025/11/jkm-boleh-ambil-semula-adik-zayn-rayyan-jika-langgar-syarat-penjagaan/	UTUSAN.COM.MY	
	https://www.tvsarawak.my/2025/11/22/kpwkm-strengthens-monitoring-for-zayn-rayyans-younger-brother/	TVSARAWAK.MY	
	https://www.thevibes.com/articles/news/115925/ministry-tightens-safeguards-for-zayn-rayyans-younger-brother	THEVIBES.COM	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
3	MTL : PANGKALAN HADAPAN JKM PASIR MAS TERIMA BEKALAN KEPERLUAN		POSITIF
	https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/mtl-pangkalan-hadapan-jkm-pasir-mas-terima-bekalan-keperluan	BERITA.RTM.GOV.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
4	MANGSA BANJIR DI KELANTAN MENINGKAT LEBIH 1,000 ORANG		NEGATIF
	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2025/11/1475173/mangsa-banjir-di-kelantan-meningkat-lebih-1000-orang	BHARIAN.COM.MY	
	https://www.sinarharian.com.my/article/757749/edisi/kelantan/mangsa-banjir-kelantan-meningkat-mendadak-486-orang	SINARHARIAN.COM.MY	
	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2025/11/1475137/mangsa-banjir-di-kelantan-meningkat-836-orang	BHARIAN.COM.MY	
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/11/1290869/banjir-kian-memburuk-di-kelantan	HMETRO.COM.MY	
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/11/1290861/mangsa-banjir-di-bachok-meningkat-kepada-148	HMETRO.COM.MY	
	https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2493908	BERNAMA.COM	
	https://www.sinarharian.com.my/article/757743/berita/semasa/mangsa-banjir-di-bachok-meningkat-kepada-148-orang-petang-in	SINARHARIAN.COM.MY	
	https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2025/11/22/jumlah-mangsa-banjir-di-bachok-meningkat-148	FREEMALAYSIATODAY.COM	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



23/11/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2025/11/1475017/hujan-berterusan-di-bachok-mangsa-banjir-diramal-terus-meningkat	BHARIAN.COM.MY	
	https://www.bernama.com/radio/news.php?id=2493809	BERNAMA.COM	
	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2025/11/1474883/bachok-daerah-pertama-di-kelantan-dilanda-banjir	BHARIAN.COM.MY	
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/11/1290780/man-gsa-banjir-di-bachok-meningkat-kepada-47-orang	HMETRO.COM.MY	
	https://www.bernama.com/en/news.php?id=2493909	BERNAMA.COM	
	https://www.malaymail.com/news/malaysia/2025/11/22/bachok-flood-evacuees-triple-to-148-as-alert-level-rain-continues/199368	MALAYMAIL.COM	
	https://www.thestar.com.my/news/nation/2025/11/22/relief-centre-opened-in-bachok-following-heavy-rain	THESTAR.COM.MY	
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/11/1290651/bachok-daerah-pertama-dilanda-banjir-2-sungai-di-kelantan-berada-pada-tahap	HMETRO.COM.MY	
	https://www.bernama.com/en/region/news.php?id=2493796	BERNAMA.COM	
	https://www.thestar.com.my/news/nation/2025/11/22/floods-number-of-evacuees-in-bachok-rises-to-148	THESTAR.COM.MY	
	https://thesun.my/news/malaysia-news/people-issues/flood-victims-in-bachok-rise-to-148-as-relief-centres-open/	THESUN.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
5	ALARMING RISE IN ONLINE CHILD SEXUAL ABUSE: URGENT MEASURES NEEDED		POSITIF
	https://www.nst.com.my/opinion/letters/2025/11/1320500/alar-ming-rise-online-child-sexual-abuse-urgent-measures-needed	NST.COM.MY	
	https://thesun.my/news/malaysia-news/people-issues/ngo-demands-tougher-laws-and-task-force-to-fight-online-child-abuse/	THESUN.MY	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



23/11/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
6	DUA KANAK-KANAK MAUT DIREMPUH KERETA		NEGATIF
	https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/dua-kanak-kanak-maut-dirempuh-kereta	BERITA.RTM.GOV.MY	
	https://www.buletintv3.my/nasional/2-kanak-kanak-maut-basikal-dirempuh-kereta/	BULETINTV3.MY	
	https://www.sinarharian.com.my/article/757721/berita/semasa/basikal-dirempuh-kereta-dua-kanak-kanak-maut	SINARHARIAN.COM.MY	
	https://www.utusan.com.my/terkini/2025/11/dua-kanak-kanak-maut-dirempuh-kereta-ketika-berbasikal/	UTUSAN.COM.MY	
	https://www.kosmo.com.my/2025/11/22/dua-kanak-kanak-maut-basikal-dirempuh-kereta/	KOSMO.COM.MY	
	https://www.bernama.com/bm/jenayah_mahkamah/news.php?id=2493950	BERNAMA.COM	
	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/dua-kanakkanak-maut-dirempuh-kereta-ketika-berbasikal-548677	ASTROAWANI.COM	
	https://www.sinarharian.com.my/article/757762/berita/semasa/dua-kanak-kanak-berbasikal-dirempuh-imam-sifatkan-satu-kehilangan-besar-buat-masjid	SINARHARIAN.COM.MY	
	https://malaysiatribune.news/jenayah-mahkamah/kes-kanak-kanak-maut-dirempuh-dua-sahabat-baik-sempat-sarapan-bersama-sebelum-tragedi/	MALAYSIATRIBUNE.NEWS	
	https://www.bharian.com.my/berita/kes/2025/11/1474990/dua-budak-bersahabat-baik-maut-basikal-dirempuh-kereta-di-yan	BHARIAN.COM.MY	
	https://www.sinarharian.com.my/article/757732/edisi/utara/dua-budak-berbasikal-maut-dirempuh-kereta-baru-balik-sarapan-roti-canai	SINARHARIAN.COM.MY	
	https://www.kosmo.com.my/2025/11/22/dua-sahabat-sempat-bersarapan-sebelum-maut-dirempuh-kereta/	KOSMO.COM.MY	
	https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2025/11/22/2-kanak-kanak-tunggang-basikal-maut-dirempuh-kereta	FREEMALAYSIATODAY.COM	
	https://malaysiatribune.news/jenayah-mahkamah/dua-kanak-kanak-maut-dirempuh-kereta-ketika-menunggang-basikal/	MALAYSIATRIBUNE.NEWS	
	https://suarasarawak.my/dua-kanak-kanak-lelaki-maut-basikal-dirempuh-kereta/	SUARASARAWAK.MY	
	https://mediaselangor.com/ms/2025/11/331832/basikal-dirempuh-kereta-dua-kanak-kanak-maut	MEDIASELANGOR.COM	
	https://malaysiagazette.com/2025/11/22/dua-kanak-kanak-lelaki-maut-basikal-dirempuh-kereta/	MALAYSIAGAZETTE.COM	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



23/11/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
7	KANAK-KANAK TIGA TAHUN MAUT KERETA BERTEMBUNG		NEGATIF
	https://www.bharian.com.my/berita/kes/2025/11/1474886/kanak-kanak-tiga-tahun-maut-kereta-bertembung	BHARIAN.COM.MY	
	https://www.buletintv3.my/nasional/kanak-kanak-3-tahun-maut-dalam-nahas-di-kuala-pilah/	BULETINTV3.MY	
	https://www.sinarharian.com.my/article/757688/berita/semasa/budak-tiga-tahun-maut-kereta-dipandu-bapa-kemalangan	SINARHARIAN.COM.MY	
	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kanakkanak-tiga-tahun-maut-kereta-dipandu-bapa-terlibat-kemalangan-548653	ASTROAWANI.COM	
	https://www.tvsarawak.my/2025/11/22/kanak-kanak-tiga-tahun-maut-kereta-dipandu-bapa-terlibat-kemalangan/	TVSARAWAK.MY	
	https://malaysiatribune.news/jenayah-mahkamah/kanak-kanak-3-tahun-maut-dalam-kemalangan-di-kuala-pilah/	MALYSIATRIBUNE.NEWS	
	https://www.youtube.com/watch?v=OTWif27EuD8	YOUTUBE	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
8	JENAZAH DUA KANAK-KANAK NAHAS BASIKAL SELAMAT DIKEBUMIKAN		NEUTRAL
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/11/1290905/jenazah-dua-rakan-karib-nahas-basikal-selamat-dikebumikan	HMETRO.COM.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
9	POLIS TAHAN PEMANDU KERETA REMPUH DUA KANAK-KANAK BERBASIKAL		NEGATIF
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/11/1290845/polis-tahan-pemandu-kereta-rempuh-dua-kanak-kanak-berbasikal	HMETRO.COM.MY	
	https://www.sinarharian.com.my/article/757744/berita/semasa/pemandu-kereta-rempuh-dua-budak-berbasikal-ditahan-polis	SINARHARIAN.COM.MY	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



23/11/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
10	BAU BUSUK DARI KERETA TERSADAI BONGKAR PENEMUAN MAYAT BUDAK LELAKI		NEGATIF
	https://www.bharian.com.my/berita/kes/2025/11/1475135/bau-busuk-dari-kereta-tersadai-bongkar-penemuan-mayat-budak-lelaki	BHARIAN.COM.MY	
	https://berita.rtm.gov.my/jenayah/senarai-berita-jenayah/senarai-artikel/mayat-kanak-kanak-ditemukan-di-dalam-kereta-terbiar	BERITA.RTM.GOV.MY	
	https://www.bharian.com.my/berita/kes/2025/11/1475119/mayat-kanak-kanak-ditemui-dalam-kereta-ditinggalkan-di-labuan	BHARIAN.COM.MY	
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/11/1290865/kanak-kanak-ditemukan-meninggal-dunia-dalam-kereta-rosak	HMETRO.COM.MY	
	https://www.bernama.com/bm/news.php/am/news.php?id=2493929	BERNAMA.COM	
	https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2025/11/22/mayat-budak-8-tahun-ditemukan-dalam-kereta-tinggal-di-labuan	FREEMALAYSITODAY.COM	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



AI dan NI dalam modul advokasi tangani risiko keselamatan digital kanak-kanak

🕒 22 November 2025, 1:32pm



Oleh: Kadir Edison

KUCHING: Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) memperkenalkan penambahbaikan baharu dalam modul advokasi kanak-kanak dengan memasukkan elemen kecerdasan buatan (AI) dan Kecerdasan Semula Jadi (NI) bagi menangani risiko keselamatan digital yang semakin mencabar.

Langkah ini dilihat penting memandangkan kanak-kanak kini lebih mudah terdedah kepada kandungan tidak sesuai, manipulasi digital, serta permainan dalam talian yang mempengaruhi cara mereka berfikir dan berinteraksi.

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Nancy Shukri berkata, inisiatif itu turut mendapat sokongan kerjasama strategik dengan platform digital, termasuk TikTok, melalui kempen Think Twice Ibu Bapa, bagi meningkatkan literasi digital dan keselamatan dalam kalangan keluarga.

"Kita masih kekurangan topik mengenai AI dan NI supaya kanak-kanak yang kita advokasikan mempunyai ilmu. Kerana kebanyakan kanak-kanak sekarang ini banyak melibatkan diri dalam permainan. Bila mereka main permainan, kebanyakan mereka terpengaruh dengan AI.

"Jadi, kita nak menyampaikan kepada kanak-kanak ini, AI adalah artifisial dan anda adalah kebijaksanaan alam. Jadi, kita bangun supaya ada pasukan dalam negara ini untuk membantu kami," katanya

Beliau ditemui selepas menghadiri Program Citra Akademik Untuk Komuniti dan Alam (CAKNA) di sini hari ini.

Datuk Seri Nancy menjelaskan bahawa penambahan elemen AI dan NI dalam modul advokasi kanak-kanak dapat membantu mereka mengenal pasti risiko, memahami mekanisme pengaruh digital, serta mempelajari cara melindungi diri ketika menggunakan teknologi.

Pendekatan "whole of community" turut diterapkan, melibatkan peranan sekolah, komuniti setempat dan ibu bapa dalam memastikan kanak-kanak sentiasa dibimbing dan dilindungi daripada ancaman digital yang berkembang pesat.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



KPWKM pantau keselamatan adik kepada Zayn Rayyan

🕒 22 November 2025, 1:34pm



Nancy ditemui media selepas menghadiri Program Citra Akademik Untuk Komuniti dan Alam (CAKNA) di Kuching.

Oleh: Kadir Edison

KUCHING: Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK) menegaskan aspek keselamatan serta perlindungan kanak-kanak terus menjadi keutamaan, membabitkan adik kepada Allahyarham Zayn Rayyan.

Kanak-kanak itu kini telah diserahkan semula kepada bapa kandungnya seperti ditetapkan mahkamah.

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Nancy Shukri berkata, pemantauan berjadual oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) akan diteruskan, bagi memastikan kebajikan kanak-kanak itu sentiasa terjamin.

Beliau menjelaskan penjaga sah tertakluk kepada 14 syarat ketat, antaranya larangan meninggalkan kanak-kanak tanpa pengawasan, memastikan akses pendidikan yang sesuai serta mematuhi keperluan terapi yang ditetapkan profesional.

Nancy menegaskan, sebarang pelanggaran syarat boleh membawa kepada tindakan segera, termasuk permohonan kepada mahkamah untuk mengambil semula kanak-kanak demi tujuan perlindungan.

"Kita boleh letak syarat tetapi kalau tidak dipatuhi, ia dapat dilihat ketika kita turun padang. Kanak-kanak itu juga tidak boleh dipaparkan di media sosial dan keluarga mesti memaklumkan JKM jika berlaku perubahan alamat.

"Jika ada syarat dilanggar, JKM boleh ambil semula kanak-kanak dan ditempatkan di bawah jagaan kami," katanya.

Beliau berkata demikian selepas menghadiri Program Citra Akademik Untuk Komuniti dan Alam (CAKNA) di Kuching.

Menurutnya, tiada tempoh khusus ditetapkan bagi fasa pemantauan kerana ia bergantung sepenuhnya kepada perkembangan kanak-kanak dan tahap pematuan penjaga terhadap syarat yang dikenakan.

Semalam, Mahkamah Majistret Shah Alam membenarkan adik kepada Allahyarham Zayn Rayyan Abdul Matin diserahkan kepada bapanya, Zaim Ikhwan Zahari, selepas 18 bulan berada di bawah jagaan nenek saudara dan JKM.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



MTL : Pangkalan hadapan JKM Pasir Mas terima bekalan keperluan

Nasional - Dicipta: 22 November 2025 12:29 PM



Penyelarasan bantuan lebih teratur / Foto RTM

PASIR MAS, 22 November - 45 pangkalan hadapan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), Jajahan Pasir Mas telah menerima bekalan keperluan sebagai persiapan menghadapi musim Monsun Timur Laut, (MTL).

Agihan yang dilaksana sejak September lepas bagi memastikan semua keperluan mencukupi.

Pegawai JKM Pasir Mas, Mohd Khairul Azhar Mat Jurit turut memaklumkan, 71 Pusat Pemindahan Sementara, (PPS) yang diwartakan, ditambah baik termasuk melibatkan aspek logistik, penyelarasan petugas serta pengoperasian pusat.

"Bagi memastikan pengurusan yang lebih teratur, pihak kami menggunakan aplikasi pendaftaran agar memperoleh maklumat yang lebih tepat.

"Sehubungan itu, penduduk disaran lebih peka dengan perubahan cuaca serta mematuhi arahan pihak berkuasa bagi memastikan keselamatan diri dan keluarga sepanjang musim monsun,"katanya.

MetMalaysia, sebelum ini meramalkan Kelantan bakal menerima antara lima hingga tujuh episod hujan lebat sehingga Mac depan, sekali gus meningkatkan risiko banjir di beberapa kawasan rendah dan berhampiran sungai.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Mangsa banjir di Kelantan meningkat lebih 1,000 orang

BERNAMA - November 22, 2025 @ 11:09pm



Keadaan di kawasan Taman Bendahara, Pengkalan Chepa dinaiki air susulan hujan lebat berterusan sejak semalam ketika tinjauan di sini hari ini. - Foto BERNAMA

KUALA LUMPUR: Jumlah mangsa banjir di Kelantan meningkat kepada 1,170 orang manakala di Terengganu tidak berubah setakat 8 malam ini.

Di **KELANTAN**, semua mangsa membabitkan penduduk di Kota Bharu, Bachok dan Tumpat yang berlindung di lapan pusat pemindahan sementara (PPS).

PPS di Kota Bharu membabitkan Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Raja Sakti, Sekolah Kebangsaan (SK) Tapang, SK Parang Puting dan SK Sering; SK Pengkalan Kubor 2 dan SK Seri Tumpat 2 di Tumpat manakala SK Pauh Sembilan dan SK Jelawat di Bachok.

Tinjauan Bernama di Universiti Malaysia Kelantan Kampus Kota, Pengkalan Chepa, di sini, malam tadi mendapati sebahagian laluan utama di kawasan kampus telah dinaiki air hingga paras lutut.

Selain itu, menurut kenyataan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), lima lembangan sungai utama di negeri itu berisiko berdepan peningkatan paras air sekiranya hujan lebat berterusan.

Ia membabitkan Jajahan Pasir Mas iaitu Lembangan Sungai Kelantan (Sungai Kelantan), Pasir Puteh - Lembangan Sungai Semerak (Sungai Semerak dan Sungai Buaya Ikat), Kota Bharu - Lembangan Sungai Kelantan (Sungai Kemasin dan Sungai Kelantan).

"Bachok iaitu Lembangan Sungai Semerak (Sungai Kemasin dan Sungai Semerak), Kuala Krai - Lembangan Sungai Kelantan (Sungai Lebir) dan Tumpat - Lembangan Sungai Kelantan (Sungai Golok dan Sungai Kelantan)," menurut kenyataan itu.

Sementara di **TERENGGANU**, situasi banjir gelombang pertama di negeri itu tidak berubah sejak petang tadi dengan jumlah mangsa kekal 276 orang berlindung di PPS Masjid Kampung, Pulau Redang.

Sementara itu, Pusat Kawalan Bencana Negara (NDCC) Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) mengeluarkan notis kesiapsiagaan operasi bencana yang mengarahkan pengaktifan Jawatankuasa Pengurusan Bencana negeri dan daerah selain meningkatkan tahap kesiapsiagaan.

Arahan itu dikeluarkan berikutan amaran hujan berterusan peringkat buruk dan waspada yang melibatkan enam negeri, dengan tumpuan terhadap kawasan berisiko tinggi.

Terdahulu, Jabatan Meteorologi Malaysia (MetMalaysia) mengeluarkan amaran hujan berterusan peringkat buruk di Tumpat, Pasir Mas, Kota Bharu, Bachok dan Pasir Puteh di Kelantan bermula hari ini hingga Isnin ini.

Amaran hujan berterusan tahap waspada dikeluarkan bagi Perlis, Kedah, Pulau Pinang dan Perak (Kerian, Larut, Matang Dan Selama, Hulu Perak dan Kuala Kangsar) untuk tempoh sama, manakala situasi serupa diramal di Kelantan (Jeli, Tanah Merah, Machang, Kuala Krai dan Gua Musang) dan Terengganu hingga Rabu. - BERNAMA

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Alarming rise in online child sexual abuse: urgent measures needed

November 22, 2025 @ 5:11pm



FILE PIC, FOR ILLUSTRATION PURPOSES ONLY.

LETTERS: The rapid surge in online child sexual abuse is a national crisis that cannot be tolerated or downplayed.

Every exploitative image, video, or message involving a child represents a life violated and a future damaged.

As digital platforms grow, predators have become more sophisticated – using social media, gaming platforms, encrypted apps, and AI-generated content to target children.

Malaysia must respond with the seriousness and urgency this issue demands.

Firstly, stronger laws and stricter enforcement are essential.

Online child sexual abuse must be met with heavier penalties, faster prosecution, and improved investigative capabilities.

Agencies must be equipped with advanced digital forensics tools to track offenders, including those hiding behind VPNs, anonymous accounts, and cross-border networks.

Secondly, the government should establish a National Online Safety Task Force bringing together police, CyberSecurity Malaysia, Malaysian Communications and Multimedia Commission, the Education Ministry, Social Welfare Department, and non-governmental organisations.

This coordinated approach will ensure quicker response to reports, real-time information sharing, and consistent monitoring of emerging threats.

Thirdly, technology companies must be held accountable.

Platforms must implement stronger age-verification systems, proactive detection of grooming behaviours, and mandatory reporting of suspected child exploitation.

They must not wait until abuse goes viral before taking action.

Fourth, children and parents must be empowered through education.

Schools must integrate online safety as part of the curriculum, including recognising grooming, avoiding risky online interactions, and safe reporting channels.

Parents need practical guidance to monitor digital habits and recognise warning signs.

Awareness cannot be optional – every household must understand the risks.

Fifth, we must expand psychological and social support for victims, ensuring they receive immediate counselling, long-term therapy, and full protection of their privacy. Survivors should never feel ashamed – responsibility lies solely with the perpetrators.

Finally, this issue demands a whole-of-nation approach.

Community leaders, teachers, tech companies, law enforcement, and parents must stand united. Malaysia cannot allow its children to be preyed upon in the digital world.

Their safety is a collective responsibility, and their protection must be our top priority.

TAN SRI LEE LAM THYE

CHAIRMAN
ALLIANCE FOR A SAFE COMMUNITY

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Dua kanak-kanak maut dirempuh kereta

Nasional - Dicipta: 22 November 2025 04:11 PM



Kedua-dua mangsa meninggal dunia di lokasi / Foto RTM

YAN, 22 November - Dua kanak-kanak yang sedang menunggang basikal, maut selepas dirempuh sebuah kenderaan di Kampung Sedaka Tengah.

Insiden yang berlaku sekitar pukul 9.15 pagi tadi mengakibatkan kedua-dua mangsa parah di kepala dan disahkan meninggal dunia di lokasi.

Ketua Polis Daerah Yan, Superintendan Mohamad Hamizi Abdullah mengesahkan kejadian.

"Maklumat awal diterima daripada orang awam. Perkembangan lanjut mengenai kes akan dimaklumkan selepas polis menerima laporan terperinci,"katanya ketika dihubungi.

Kes disiasat mengikut Seksyen 41 Akta Pengangkutan Jalan 1987.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Kanak-kanak tiga tahun maut kereta bertembung

Oleh Ahmad Hasbi - November 22, 2025 @ 10:47am



Kanak-kanak perempuan berusia tiga tahun maut selepas kereta dipandu bapanya terbabit kemalangan di Kilometer 3, Jalan Kuala Pilah- Melang berhadapan sebuah stesen minyak di sini, petang semalam. - Foto IHSAN PEMBACA

KUALA PILAH: Kanak-kanak perempuan berusia tiga tahun maut selepas kereta dipandu bapanya terbabit kemalangan di Kilometer 3, Jalan Kuala Pilah- Melang berhadapan sebuah stesen minyak di sini, petang semalam.

Kejadian jam 3.35 petang itu berlaku ketika mereka dalam perjalanan pulang ke rumah di Seremban.

Ketua Polis Daerah Kuala Pilah, Superintendan Muhammad Mustafah Hussin berkata, kejadian membabitkan dua kereta jenis Perodua Bezza.

"Siasatan awal mendapati, kemalangan dipercayai berlaku ketika kenderaan dipandu seorang lelaki bersama isteri, anak perempuan berusia tiga tahun serta anak saudara perempuan dari arah Kuala Pilah menghala ke Seremban.

"Apabila sampai di tempat kejadian, sebuah Perodua Bezza yang datang dari arah bertentangan hilang kawalan dan masuk ke laluan kereta dinaiki sekeluarga terbabit," katanya dalam kenyataan, hari ini.

Mustafah berkata, Perodua Bezza dinaiki mereka cuba mengelak ke sebelah kanan jalan, namun gagal dan melanggar Perodua Bezza itu.

Beliau berkata, kemalangan berkenaan mengakibatkan kanak-kanak perempuan berusia tiga tahun yang duduk di bahagian penumpang belakang cedera parah pada bahagian kepala dan disahkan meninggal dunia semasa dirawat di wad Hospital Tuanku Ampuan Najihah di sini.

"Bapa kanak-kanak itu, ibu serta sepupu perempuannya serta pemandu sebuah lagi Perodua Bezza masih dirawat di hospital sama.

"Kes disiasat mengikut Seksyen 41(1) Akta Pengangkutan Jalan 1987 dan siasatan lanjut masih diteruskan," katanya.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Jenazah dua rakan karib nahas basikal selamat dikebumikan

Zuliaty Zulkiffli
am@hmetro.com.my



JENAZAH dua kanak-kanak yang maut selepas basikal mereka dirempuh kereta selamat dikebumikan malam ini. FOTO Ihsan Pembaca

Yan: Jenazah dua kanak-kanak lelaki yang maut selepas basikal mereka dirempuh sebuah kereta di Jalan Sedaka Tengah, di sini hari ini selamat dikebumikan jam 10 malam tadi.

Terdahulu, jenazah Muhammad Izhar Adnan, 10, dan rakannya, Muhammad Zaid Haris Abdullah, 11, dibawa dari Jabatan Forensik Hospital Sultanah Bahiyah (HSB) di Alor Setar selepas proses bedah siasat selesai dilakukan.

Jenazah kedua-dua rakan karib itu dibawa ke Masjid Jamek Simpang 4 Sedaka untuk disolatkan dan diimamkan oleh Adun Sungai Limau, Datuk Mohd Azam Abd Samat yang juga Exco Kerajaan Negeri Kedah.

Jenazah mereka selamat dikebumikan dalam satu liang di tanah perkuburan masjid berkenaan.

Hampir 100 orang termasuk kenalan dan ahli keluarga hadir untuk menyaksikan pengebumian murid tahun empat dan lima Sekolah Kebangsaan (SK) Sedaka itu,

Media sebelum ini melaporkan, dua kanak-kanak lelaki masing-masing berusia 10 dan 11 tahun maut selepas basikal yang dinaiki mereka dirempuh sebuah kereta di Jalan Sedaka Tengah, kira-kira jam 9.15 pagi tadi.

Berikutan itu, polis menahan pemandu kereta Honda City berusia 33 tahun itu untuk membantu siasatan dan kes disiasat mengikut Seksyen 41(1) Akta Pengangkutan Jalan (APJ) 1987.

Sementara itu, dalam hantaran Facebook (FB) Masjid Sedaka memuji amalan kedua-dua arwah kanak-kanak itu yang sentiasa rajin membantu membersihkan masjid setiap hari Jumaat selain menunaikan solat berjemaah di masjid berkenaan.

"Adik izhar selalu baca surah Al-Mulk selepas selesai solat Isyak setiap malam dan rajin melaungkan azan solat lima waktu.

"Pengkahiran yang baik buat 2 adik ni, mudah-mudahan ditempatkan di dalam Syurga..," menurut hantaran FB itu lagi.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Polis tahan pemandu kereta rempuh dua kanak-kanak berbasikal

Zuliaty Zulkiffli
am@hmetro.com.my



Yan: Polis menahan pemandu kereta berusia 33 tahun yang dipercayai merempuh dua kanak-kanak lelaki yang menaiki basikal di Jalan Sedaka Tengah, di sini hari ini.

Ketua Polis Daerah Yan, Superintendan Mohamad Hamizi Abdullah berkata, hasil ujian saringan awal air kencing terhadap pemandu kereta iaitu lelaki tempatan itu mendapati negatif dadah.

Beliau berkata, siasatan lanjut berhubung kejadian sedang dijalankan ketika ini.

"Dua kanak-kanak berusia 10 dan 11 tahun itu meninggal dunia di tempat kejadian.

"Kes disiasat mengikut Seksyen 41(1) Akta Pengangkutan Jalan (APJ) 1987.

"Mayat kedua-dua mangsa dihantar ke Jabatan Forensik Hospital Sultanah Bahiyah (HSB) di Alor Setar untuk bedah siasat," katanya ketika dihubungi hari ini.

Mohamad Hamizi berkata, pihaknya menerima maklumat awal berhubung kejadian itu melalui orang awam pada jam 9.25 pagi tadi.

Harian Metro sebelum ini melaporkan, dua kanak-kanak lelaki masing-masing berusia 10 dan 11 tahun [maut](#) selepas basikal yang mereka naik dirempuh sebuah kereta di Jalan Sedaka Tengah, di sini hari ini.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Bau busuk dari kereta tersadai bongkar penemuan mayat budak lelaki

Oleh **Juwan Riduan** - November 22, 2025 @ 8:23pm



Mayat kanak-kanak ditemui dalam kenderaan rosak di belakang premis di kawasan perindustrian Kampung Muslim di Labuan. - Foto ihsan PDRM

LABUAN: Bau busuk dikesan daripada sebuah kereta rosak yang tersadai di belakang bangunan di kawasan perindustrian Kampung Muslim, di sini, membongkar penemuan mayat seorang kanak-kanak pagi tadi.

Mayat itu ditemukan seorang mekanik jam 8.45 pagi ketika cuba mengalihkan sebuah Proton Gen-2, sebelum terhidu bau busuk dari dalam kereta sehingga membawa kepada penemuan mayat terbabit.

Ketua Polis Daerah Labuan, Superintendan Mohd Hamizi Halim, berkata siasatan awal mendapati kereta itu rosak dan diletakkan di kawasan bengkel sejak Jun 2025.

Berdasarkan siasatan, katanya mangsa dikenal pasti Budin Jimsalim dan berbangsa Bajau, dengan kanak-kanak dipercayai berusia lingkungan lapan tahun itu tidak mempunyai dokumen pengenalan diri.

"Mayat dibawa ke Unit Forensik Hospital Labuan untuk bedah siasat bagi mengenal pasti punca kematian," katanya.

Setakat ini tiada unsur jenayah ditemui dan polis merakam keterangan saksi serta meneliti rakaman kamera litar tertutup (CCTV) di sekitar lokasi bagi membantu siasatan.

Kes setakat ini diklasifikasikan sebagai mati mengejut (SDR).